

15/08/1998

Pertahanan negara diutamakan

Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Kerajaan akan mengekal dan menjadikan pertahanan dan keselamatan negara ini yang terbaik bagi menjamin kedaulatan dan maruahnya sentiasa dihormati.

Sehubungan itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tugas mengekal keselamatan dan ketenteraman negara bukan saja menjadi tanggungjawab tentera, malah perlu dipikul semua rakyat negara ini.

Beliau berkata, kawalan sempadan perlu sentiasa dipertingkatkan untuk menghindarkan pelbagai bentuk ancaman dan pencerobohan.

"Negara mengalami pertumbuhan ekonomi yang begitu baik, oleh itu ketenteraman dan kestabilan negara perlu dijaga daripada sebarang ancaman yang cuba menggugatinya," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bahagian Terengganu di Dewan Yayasan Pembangunan Keluarga di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata, pertahanan dan keselamatan negara tidak hanya bergantung kepada pemilikan banyak senjata, kerana yang penting rakyat perlu bersemangat tinggi dan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

"Kegawatan ekonomi yang melanda negara tidak bermakna terpaksa memberhentikan semua projek pembangunan, sebaliknya untuk menguruskan kembali keadaan sebagaimana yang sedang diusahakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Menurutnya, pelbagai fitnah disebar untuk menggambarkan kepada negara luar Malaysia tidak aman supaya banyak negara memulau Sukan Komanwel dan pelabur enggan ke negara ini.

"Masalah yang timbul hendaklah diselesaikan menerusi saluran tertentu bukannya dengan menulis surat layang.

"Malaysia adalah sebuah negara aman dan stabil, oleh itu banyak pihak cuba menggugat keamanan dan kestabilan negara menerusi pelbagai usaha, termasuk menjejaskan pertumbuhan ekonomi," katanya.

Terdahulu itu, Presiden Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, Datuk Muhammad Abdul Ghani kesal kerana masih ramai lagi bekas perajurit yang tidak menyertai persatuan itu iaitu daripada 300,000 bekas perajurit hanya 130,000 yang menjadi ahli persatuan itu.

Beliau juga menasihatkan pemimpin persatuan itu tidak mengambil kesempatan, termasuk menggunakan ahli untuk mencapai matlamat sendiri.

"Yang penting ahli perlu bijak bertindak sebagaimana ketika dalam tentera dulu dan tidak berhenti awal jika tidak mempunyai perancangan dan persiapan," katanya.

(END)